




# SIARAN AKHBAR


KEMENTERIAN KESIHATAN

## KENYATAAN MEDIA COVID-19 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM 22 Safar 1444 / 19 September 2022

- I. Dalam masa satu minggu kebelakangan ini, jumlah kes COVID-19 yang dilaporkan di Negara Brunei Darussalam telah menunjukkan sedikit peningkatan di mana kadar purata harian kes pada minggu lepas ialah sebanyak 215 kes sehari, berbanding dengan 179 kes sehari pada minggu sebelumnya. Walau bagaimanapun, trend jangkitan menunjukkan penularan kekal rendah. Sebanyak 46,728 keputusan ujian ART telah dimuatnaik ke aplikasi BruHealth dalam masa satu minggu di mana 3.2% daripadanya adalah keputusan ujian ART yang positif.



Jumlah kes COVID-19 yang telah dilaporkan di Negara Brunei Darussalam sejak Februari 2022



Jumlah kes COVID-19 satu minggu kebelakangan berbanding dengan minggu sebelumnya

- i) Pada hari ini, **tidak ada kes** di dalam Kategori 5 yakni memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU) manakala **3 kes** berada di dalam Kategori 4 iaitu memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.
  - ii) Sehingga kelmarin, 18 September 2022, kadar liputan vaksinasi COVID-19 di Negara Brunei Darussalam kekal berada di tahap yang tinggi dengan **78.3%** daripada keseluruhan rakyat dan penduduk negara ini telah mendapatkan dos ketiga vaksin dan **10.3%** juga telah mendapatkan dos keempat.
2. Pada hari ini, sebanyak **215 kes baru** telah dilaporkan iaitu 209 kes hasil ujian ART dan 6 kes adalah hasil dari 480 ujian makmal RT-PCR yang telah dilakukan dalam masa 24 jam yang lalu.

3. Di kesempatan ini, sukacita dimaklumkan bahawa sebagai penyelarasan kepada pengemaskinian sukat-sukat langkah-langkah pengawalan dalam negara dan syarat-syarat perjalanan keluar dan masuk negara yang telah diumumkan oleh Jawatankuasa Pandu COVID-19 pada 12 September yang lalu, Kementerian Kesihatan telah meneliti langkah-langkah pengawalan yang dilaksanakan di fasiliti-fasiliti kesihatan Kerajaan dan bermula esok, 20 September 2022, perubahan-perubahan berikut akan mula dilaksanakan:

- i) Pesakit-pesakit yang datang berjumpa doktor dan tidak mempunyai tanda-tanda jangkitan, tidak diperlukan membuat ujian ART terlebih dahulu. Walau bagaimanapun, ujian ART adalah dikehendaki bagi pesakit-pesakit yang hendak mendapatkan rawatan dental, pesakit-pesakit yang akan menjalani prosidur-prosidur perubatan tertentu seperti *bronchoscopy* dan *gastroscopy*, pesakit-pesakit yang datang mendapatkan rawatan di Jabatan Kemalangan dan Kecemasan di hospital-hospital atau pesakit-pesakit yang akan dimasukkan ke hospital. Ujian ART adalah juga digalakkan bagi pesakit-pesakit di pusat-pusat kesihatan yang mempunyai tanda-tanda jangkitan untuk melancarkan urusan rawatan. Sementara itu, ujian PCR hanya akan dilakukan bagi pesakit-pesakit tertentu sahaja.
- ii) Pengeluaran Notis Pengasingan Diri (*Self Isolation Notice*) akan dihentikan. Sesiapa yang mempunyai tanda-tanda jangkitan tetapi negatif ujian ART adalah dinasihatkan untuk menggunakan Dasar

Cuti Sakit Disahkan Sendiri (CSDS) atau surat pengesahan sakit dari ibubapa atau penjaga bagi pelajar-pelajar. Sebagai peringatan bersama juga, kes-kes positif ART akan menjalani pengasingan diri sebagaimana Perintah Kuarantin di bawah Akta Penyakit Berjangkit selama tempoh yang ditetapkan mengikut SOP yang sedia ada pada masa ini.

iii) Dasar Melawat (*Visiting Policy*) di hospital-hospital juga dikemaskini seperti berikut:

- Melawat hanya dibenarkan pada waktu melawat yang ditetapkan sahaja.
- Jumlah pelawat bagi setiap pesakit yang berada di hospital tidak lagi dihadkan. Walau bagaimanapun, hanya dua orang pelawat sahaja dibenarkan masuk pada satu-satu masa bagi setiap pesakit.
- Setiap pelawat dikehendaki menunjukkan keputusan negatif ART yang dibuat pada hari yang sama.
- Pelawat tidak dibenarkan melawat pesakit yang berada di *holding ward* atau *isolation ward*. Walau bagaimanapun, seorang penjaga berkemungkinan dibenarkan untuk bersama pesakit, mengikut penilaian dan kesesuaian keadaan pesakit.
- Kanak-kanak di bawah umur 12 tahun tidak dibenarkan melawat.

- iv) Tatacara pengurusan jenazah yang meninggal dunia disebabkan oleh COVID-19 secara langsung atau tidak langsung, juga telah dikemaskini kepada tatacara pengurusan sebelum pandemik iaitu,
- Pengurusan jenazah tidak lagi perlu dilakukan di Pusat Pengasingan Kebangsaan; jenazah boleh disempurnakan di masjid atau di rumah, mengikut kehendak keluarga dengan garis panduan yang telah disediakan seperti memakai sungkup muka, sarung tangan, apron dan pelindung mata (*eye protection*) semasa menguruskan jenazah. Walau bagaimanapun, jenazah tidak boleh disempurnakan di rumah yang ada kes positif kerana kes positif tersebut perlu menjalani kuarantin.
  - Jenazah boleh dikebumikan di mana-mana tanah perkuburan yang bersesuaian atau mengikut kehendak keluarga.
  - Ujian ART tidak diperlukan bagi sebarang kematian yang berlaku di rumah dan jenazah boleh disempurnakan seperti biasa.
- v) Waktu beroperasi bagi Pusat Swab, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan Pusat SARI, Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait diubah kepada jam 8 pagi hingga 5 petang pada hari-hari berkerja dan ditutup pada setiap hari Jumaat, Ahad dan hari-hari kelepasan awam.

4. Teruskan kerjasama abiskita semua dalam membantu pihak Kerajaan memantau penularan wabak COVID-19 di negara dengan memuatnaikkan keputusan ART masing-masing, samada positif atau negatif ke aplikasi *BruHealth*. Semoga Negara Brunei Darussalam berserta seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa terpelihara dari segala bencana dan wabak penyakit serta berada di dalam perlindungan Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua. Aamiin Aaminn Ya Rabbalalamin.

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 22 Safar 1444H / 19 September 2022